



PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan,
Peti Surat 81245,
87022 Wilayah Persekutuan Labuan.
Tel : 087- 408600 / 408601
Fax: 087- 426803 / 419400
Portal Rasmii: www.pl.gov.my

SIARAN MEDIA

MAJLIS PRA PELANCARAN BORNEO FLORA FESTIVAL @ LABUAN 2025

LABUAN, 11 April 2025 – YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) hari ini telah menyempurnakan Majlis Pra Pelancaran Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 (BFF 2025) bertempat di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Majlis Pra Pelancaran BFF @ Labuan 2025 adalah sebagai pemakluman awal secara rasmi kepada pengetahuan umum tentang festival yang buat pertama kalinya akan diadakan pada 26 hingga 30 Julai 2025 ini dan dianggarkan mensasarkan 50 ribu pengunjung. Festival ini membawa tema '*Borneo Tropical Flora*' dan akan diadakan secara dwi tahunan.

Gimik Majlis Pra Pelancaran Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 (BFF 2025) ditampilkan dengan penuh simbolik di mana sekumpulan belia dan belianwanis memperagakan pakaian tradisional etnik Borneo berarak masuk menuju ke pentas utama sambil membawa pelbagai jenis bunga serta sesi penyerahan plak logo rasmi BFF 2025 kepada YB Menteri. Perarakan ini melambangkan kepelbagaian budaya dan keindahan flora yang terdapat di Borneo, sejajar dengan tema festival yang menekankan warisan semula jadi dan budaya rantau ini serta menandakan permulaan acara flora yang julung kali diadakan di Borneo.

Dalam usaha memperkukuh jaringan kerjasama dan sokongan komuniti terhadap BFF 2025, program 'Sahabat BFF' telah diperkenalkan. Program ini melibatkan penyertaan pelbagai pihak, termasuk hotel, golongan belia, institusi pendidikan, dan agensi yang bersetuju menjadi rakan strategik festival ini. Sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan, sesi penyerahan Lencana 'Sahabat BFF' turut disempurnakan semasa majlis berkenaan. Dalam sesi ini, wakil daripada setiap 'Sahabat BFF' yang terlibat telah menerima lencana khas sebagai lambang komitmen mereka dalam menyokong dan mempromosikan BFF 2025.

Turut hadir sama ke program berkenaan dan mengiringi YB Menteri ke Lawatan Tapak BFF ialah YB Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman, Ahli Parlimen Labuan, YBhg. Datuk Seri Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah JWP, Encik Simsudin bin Sidek, Timbalan Pengerusi PL, Encik Mohd Sukuran bin Taib, Ketua Pegawai Eksekutif PL dan delegasi VIP lain.

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Korporat
Perbadanan Labuan
Tarikh: 11 April 2025